



ABDUL Shukor Husin (dua dari kiri) turut memberi sumbangan kepada Tabung USIMPRIHATIN Bencana Banjir Pantai Timur pada Majlis Amanat Perdana di Dewan Kuliah 3, USIM, baru-baru ini.

Laksana tujuan penubuhan USIM

SEREMBAN 17 Dis. - Warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diingat agar melaksanakan kehendak dan tujuan asal penubuhannya iaitu membangunkan modal insan daripada kalangan generasi muda berteraskan ilmu pengetahuan naqli dan aqli.

Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin menjelaskan, amanah yang dipertanggungjawabkan itu perlu digalas bukan sahaja di bahu pengurusan tertinggi USIM, pegawai sokongan, ahli akademik malah pelajar USIM perlu turut serta mendukung bagi menjayakannya.

"Di zaman globalisasi ini dengan ledakan media baharu, pendidikan adalah sesuatu yang dinamik dan tidak statik kepada suatu keadaan sahaja, bahkan merupakan satu pelaburan bagi membentuk manusia menjadi insan," katanya pada Majlis Amanat Perdana Pengerusi Lembaga Pengarah USIM di Dewan Kuliah Pusat 3, USIM di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail, Ahli Lembaga Pengarah universiti, pengurusan tertinggi, ahli akademik, kakitangan serta pelajar USIM.

Abdul Shukor menambah, pem-

angunan insan perlu dilaksanakan dengan didikan secara neutral bagi melahirkan insan seimbang dari aspek fizikal, rohani, spiritual, emosi dan tingkah laku secara keseluruhannya yang merupakan cabaran kepada warga USIM yang perlu didukung secara bersama.

Abdul Shukor kemudiannya menggariskan empat perkara yang menjadi persepsi USIM untuk dikenali sebagai pusat pengajian tinggi berteraskan pendidikan Islam berasaskan wahyu Allah yang teras ilmunya adalah taufiq.

Beliau turut berkongsi pandangan mengenai cabaran dan masa depan USIM, keprihatinan USIM terhadap warganya dan kegelisahan serta keresahan pemikiran akidah yang melanda masyarakat Islam Malaysia kini.

Sehubungan itu katanya, seluruh warga USIM bertanggungjawab melakukan sesuatu tindakan secara penuh bijaksana dan jujur dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Pada majlis berkenaan, pihak universiti telah melancarkan tabung derma USIMPRIHATIN Bencana Banjir Pantai Timur untuk diberikan kepada mangsa banjir bagi mengurangkan bebanan mereka.